

MENSYUKURI REZEKI MENJAUHI RASUAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredhai oleh Allah *Subhanahu wa-Taala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*

□

Islam mewajibkan umatnya mencari rezeki yang halal lagi baik iaitu halal dari segi bahannya dan halal juga pada cara memperolehnya. Kita juga diperintahkan agar bersyukur atas segala nikmat kurniaan Allah *Subhanahu wa-Taala* sebagaimana Firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 114:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُنتُمْ

إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

Yang bermaksud: *Oleh itu makanlah daripada apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu daripada benda-benda yang halal lagi baik dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata.*

Antara isu besar yang diperkatakan di negara kita ialah rasuah. Gejala rasuah bukanlah perkara baru di negara kita malah setiap tahun pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sentiasa memberi laporan yang kian membimbangkan kita semua. Pelbagai lapisan masyarakat didapati terlibat dengan gejala rasuah termasuk kumpulan profesional, kumpulan sokongan, ahli politik dan orang awam. Perkara yang lebih menyedihkan kita ialah ramai yang terlibat dengan kesalahan rasuah tersebut adalah terdiri daripada kalangan orang Islam sendiri.

Perbuatan rasuah meliputi amalan meminta, menawar, menerima suapan, tuntutan palsu, menyalah guna jawatan untuk kepentingan diri, keluarga dan golongan tertentu. Termasuk juga apa yang disebut oleh umum sebagai duit kopi, pelincir dan tumbuk rusuk, sama ada berbentuk wang tunai atau manfaat berbentuk barangan seperti tukar tayar kereta, melancong, bayar bil, habuan seks, ubah suai rumah dan sebagainya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*

Demi mengejar kekayaan yang diimpikan terdapat golongan manusia yang rakus dan tamak dengan harta benda sanggup melakukan jenayah rasuah yang diharamkan Allah *Subhanahu wa-Taala* melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ
بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Yang bermaksud: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang batil (yang salah menurut syara') dan janganlah pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).* □

Gejala rasuah yang berleluasa akan menyebabkan berlakunya kezaliman, tiada ketegasan, pengabaian tugas dan tanggungjawab, penyelewengan, kecuaiian, pecah amanah, pemalsuan, pengkhianatan dan seumpamanya. Antara perkara yang besar yang seolah-olah menjadi amalan kebiasaan dalam pentadbiran hari ini ialah kelewatan membuat keputusan dalam pelaksanaan sesuatu projek. Sebagai contoh setiap agensi yang berkaitan dalam kelulusan pelaksanaan projek yang dirancang kebanyakannya meminta habuan masing-masing, sama ada diberi kepada individu atau kumpulan tertentu. Fenomena ini merosakkan sistem pentadbiran negara, negara menjadi kucar kacir dan akhirnya tamadun kegemilangan sesebuah negara akan hancur.

Balasan yang dijanjikan kepada pemberi dan penerima rasuah adalah neraka. Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani:

الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي فِي النَّارِ

Yang bermaksud: *Orang yang memberi rasuah dan menerima rasuah tempatnya di dalam neraka.*

Mengamalkan rasuah sama seperti mengambil makanan yang haram. Setiap jasad yang tumbuh dari sumber yang haram akan ditempatkan akhirat nanti dalam neraka. Sabda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنْ سُحْتِ النَّارِ أَوْ لَى بِهِ

Yang bermaksud: *Tidak akan masuk syurga sesiapa yang tumbuh dagingnya (yakni yang membesar) dengan sumber makanan yang haram (yakni rasuah). Nerakalah yang selayak baginya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*

Sebagai seorang Islam kita sepatutnya berpendirian tegas. Walau apa pun alasan untuk menghalalkan perbuatan rasuah tidak boleh diterima. Hanya dengan alasan jahil tentang ajaran agama, tentang undang-undang, sesuatu pemberian atau penerimaan itu dianggap hanya sebagai tradisi budaya, tidak boleh dijadikan sebab untuk berlepas diri. Masalah peningkatan kos sara hidup, hutang keliling pinggang atau pendapatan rendah tidak boleh dijadikan alasan untuk melakukan rasuah.

Islam tidak ada toleransi dan kompromi untuk membenarkan berlakunya gejala rasuah kerana ia melibatkan larangan Allah *Subhanahu wa-Taala* dan persoalan hukum. Ia juga berkait dengan maruah agama, bangsa dan negara.

Apa yang mendukacitakan ialah, dalam usaha membentaras gejala rasuah, masih terdapat lagi sebahagian umat Islam yang mengambil sikap melindungi kegiatan rasuah yang berlaku atas beberapa sebab. Antaranya perasaan kasihan dan tidak sampai hati, tidak mahu menyusahkan diri, takut menerima ancaman, alasan tidak mahu menjaga tepi kain orang lain dan sikap lebih mementingkan diri sendiri menyebabkan gejala rasuah ini sukar dibendung. Sikap kurang bertanggungjawab dan tidak memberikan kerjasama sebeginilah menyebabkan pihak-pihak yang bertanggungjawab dan SPRM khususnya tidak dapat melaksanakan tugas mereka dengan sempurna bagi membawa penjenayah rasuah ke muka pengadilan.

Mengakhiri khutbah hari ini, mimbar menyeru kita semua agar sentiasa membenci dan menghindari perbuatan rasuah serta mengamalkan gaya hidup bersyariat. Jadilah golongan yang mengajak kepada mempermudah urusan sesama kita supaya terhindarnya gejala rasuah dan sebagainya di samping mencegah kemungkaran sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah Ali Imran ayat 104 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ

Yang bermaksud: *Hendaklah ada diantara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Mereka yang bersifat demikian itulah orang yang berjaya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.